

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	MENDOKUMENTASIKAN AMALAN TERBAIK SYARIKAT PLWS
TARIKH/TEMPOH	:	April 2021 : Penyediaan Laporan Sebut Harga dan pemilihan pembekal Mei – August 2021 : Pelaksanaan projek
OBJEKTIF	:	• Mengenal pasti syarikat PLWS dari empat jenis kategori syarikat. • Mendokumentasikan pengalaman syarikat PLWS tersebut menjadi 10 e-artikel (Bahasa Inggeris). • Menjadikan dokumen amalan terbaik ini sebagai bahan promosi bagi membantu meningkatkan penyertaan syarikat baharu dalam program eSPO.
OUTPUT	:	Dari projek ini, output yang akan dihasilkan adalah : • 10 artikel amalan terbaik syarikat PLWS (Bahasa Inggeris)
PERUNTUKAN/KOS	:	TWIP : RM 32100 (Lampiran 1)
JABATAN /BAHAGIAN /UNIT	:	Unit Productivity-Linked Wage System (PLWS)
KOMEN/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN

Mendokumentasikan Amalan Terbaik Syarikat PLWS

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk memohon kelulusan Lembaga Pengurusan MPC untuk mendokumentasikan amalan terbaik syarikat PLWS.

2.0 LATAR BELAKANG

Selari dengan mandat kerajaan untuk meningkatkan kadar adaptasi PLWS di Malaysia, MPC telah mengambil pelbagai langkah bagi mempromosikan PLWS secara meluas dan efektif. Antaranya adalah seperti webinar dan sijil perakuan eSPO.

Bagi meningkatkan lagi kesedaran dan pemahaman bagi syarikat di Malaysia untuk mengamalkan PLWS, penulisan bagi syarikat – syarikat yang telah berjaya melaksanakan PLWS ini penting untuk menyebarkan kesan keatas produktiviti, upah dan keuntungan syarikat.

3.0 OBJEKTIF PROJEK

- Mengenal pasti syarikat pengamalan PLWS dari empat jenis kategori syarikat yang merangkumi lima sektor utama iaitu pembuatan, pembinaan, pertanian, perlombongan dan penggalan dan juga perkhidmatan.
- Mendokumentasikan pengalaman syarikat PLWS tersebut menjadi 10 e-artikel (Bahasa Inggeris).
- Menjadikan dokumen ini sebagai bahan promosi dan rujukan bagi membantu meningkatkan penyertaan syarikat baharu dalam program eSPO.

4.0 JUSTIFIKASI PROJEK

Projek ini perlu dilaksanakan kerana:

- Memberi inspirasi kepada pemain industri lain untuk melaksanakan PLWS.
- Menggalakkan industri untuk mengadaptasi PLWS bagi peningkatan mutu dan produktiviti syarikat.
- Membentuk budaya cemerlang di kalangan industri melalui penyebaran syarikat PLWS yang cemerlang.
- Sebagai input untuk penyediaan Laporan Produktiviti.

5.0 CADANGAN SKOP PROJEK

Setiap artikel yang dihasilkan akan mempunyai kandungan utama seperti berikut :

- Latar belakang organisasi.

- Komponen PLWS seperti bonus, produktiviti atau prestasi dan kemahiran pekerja
- Kaedah Pengamalan PLWS.
- Faedah pelaksanaan PLWS.
- Cabaran melaksanakan PLWS.

6.0 OUTPUT

Dari projek ini, output yang akan dihasilkan adalah :

- 10 e-artikel amalan terbaik yang melaksanakan PLWS (Bahasa Inggeris).
- Penyebaran 10 e-artikel menerusi media sosial seperti video pendek dan digital poster yang akan dikongsikan di halaman Facebook PLWS.

7.0 Kos

Kos keseluruhan projek ini adalah **RM32,100** dan butiran terperinci kos yang terlibat adalah seperti di Lampiran 1.

8.0 SYOR JABATAN


Adalah dipohon untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan pengurusan MPC untuk mendokumentasikan amalan terbaik syarikat PLWS yang perlu menggunakan peruntukan pembangunan TWIP berjumlah **RM32,100**.

Disediakan oleh:



(Puan Nur Munirah
Binti Mustaffa Kamal)
Pengurus Kanan
Unit PLWS
Tarikh: 19 MAC 2021

Disemak oleh:



(Dr. Suriati Zainal Abidin)
Pengurus Kanan
Unit PLWS
Tarikh: 19 MAC 2021

Diluluskan oleh:



(Encik Sugumar
Saminathan)
Pengarah
Unit PLWS
Tarikh: 19 MAC 2021

Lampiran 1

Butiran Kos

Projek Mendokumentasikan Amalan Terbaik Syarikat Pengamalan PLWS

Kos A

Bil	Aktiviti	Butiran	Jumlah (RM)
1	Penulisan Draf	1 mukasurat	300
2	Moderator Sesi Temubual secara atas talian	1 sesi	250
3	Reka bentuk e-Artikel	1 mukasurat	160
4	Reka bentuk e-Infografik	1 mukasurat	200

Kos B

Bil	Aktiviti	Butiran	Jumlah (RM)
1	e-Artikel PLWS (berdasarkan kos A)	1 artikel	3210
2	e-Artikel PLWS (berdasarkan kos A)	10 artikel	32100